

# BULETIN UPUM

UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA  
UNIVERSITY OF MALAYA CONSULTANCY UNIT



## KAJIAN SEMASA

Berikut adalah beberapa kajian semasa yg sedang di jalankan di UPUM:

1. Kajian penerimaan kurikulum latihan kemahiran terhadap keboleherjaan graduan sistem persijilan kemahiran malaysia (spkm)

Ketua Projek: Prof. Madya Dr. Norlidah Alias



2. Consultation Service for Golden Arches Restaurants Sdn Bhd

Ketua Projek: Dr Chai Lay Ching

3. Laporan Petunjuk Sains, Teknologi Dan Inovasi (STI) Malaysia 2016

Ketua Projek: Prof. Madya Dr. VGR Chandran Govindaraju

## AKTITIVI SEMASA

1. Pada 4hb Ogos 2016 Upum telah mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara upum dengan Perunding.



# BULETIN



# UPUM

UNIT PERUNDINGAN UNIVERSITI MALAYA  
UNIVERSITY OF MALAYA CONSULTANCY UNIT**UPUM SDN. BHD.**[www.upumsb.com.my](http://www.upumsb.com.my)

Berikut adalah kajian-kajian yang sedang dijalankan oleh UPUM SDN BHD, diantaranya ialah:

1. Paleoseismological & Paleotsunami (paleoseis), soil liquefaction potential study, and tsunami hazard assessment to establish seismic and tsunami risk for selected existing and electrical installation sites in peninsular Malaysia

Klien: TNB Research

Ketua Projek: Dr Meldi

2. Independent Structural Checker untuk Projek - Menaiktaraf Jalan Ft092 Dari Bandar Penawar (Senai Desaru Expressway) Ke Sg Rengit (Sek 0-28) Dari 2 Lorong Kepada 4 Lorong, Kota Tinggi, (Pakej A) Secara Tender Terhadap Reka Dan Bina.

Klien: Liku Prestasi

Ketua Projek: Ir Dr Ismail Othman

3. Independent Structural Checker untuk Projek -Jambatan laluan dari Gurun ke Pulau Bunting

Klien: UCM Construction

Ketua Projek: Ir Dr Ismail Bin Othman

4. Kubota - Asahimas cwp sump model test (Indonesia)

Klien: Kubota

Ketua Projek: Associate Prof. Dr. Faridah Othman

5. Projek-projek Pembangunan Pendidikan Dibawah Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9)- Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya, Precint 5(1)(A140)

Klien: Kementerian Pendidikan Malaysia

Ketua Projek: Profesor Sr Dr Khairuddin Sulaiman

6. Factory building decommissioning

Klien: Uniliver food

Ketua Projek: Ir Dr Ismail Othman

## PROMOSI

Pada tarikh 6 November 2015, UPUM telah mengadakan satu sesi perbincangan bersama pegawai perhubungan Industri ( Industry Liaison Officer, ILO) Fakulti Alam Bina UM. Tujuan diadakan sesi perbincangan ini adalah untuk menerangkan kepada setiap ILO tentang peranan dan juga peluang-peluang yang boleh dicapai melalui kerjasama antara fakulti dan UPUM. Tentunya kerjasama ini akan memberi faedah kepada perunding, fakulti dan juga UPUM dalam menjalankan kerja-kerja perundingan. Seterusnya penganjuran sesi perbincangan akan diperluaskan di setiap fakulti yang terdapat di UM.

Selain itu para tenaga akademik di setiap fakulti di Universiti Malaya dijemput untuk mendaftarkan nama dengan Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM) sebagai perunding mengikut kepakaran masing-masing. Anda boleh layari website UPUM <http://upum.um.edu.my>.

UPUM telah mengklasifikasikan beberapa kumpulan perunding mengikut "Niche Areas", diantaranya seperti berikut:

- |                       |                    |                           |               |
|-----------------------|--------------------|---------------------------|---------------|
| 1. Civil & Structural | 4. Transportation  | 7. Education              | 10. Economics |
| 2. Geotechnical       | 5. Electrical Eng. | 8. Information Technology | 11. Sciences  |
| 3. Environmental      | 6. Chemical Eng.   | 9. Mechanical/ Biomed     | 12. Medicine  |



## LAWATAN TAPAK

1. Research on Paleoseismology and seismic hazard for risk assessment due to soil liquefaction and tsunami on strategic tnb installation sites in peninsular Malaysia – Lawatan ke ITB Di Bandung Indonesia



Research on Paleoseismology and seismic hazard for risk assessment due to soil liquefaction and tsunami on strategic tnb installation sites in peninsular Malaysia di Stesen Janakuasa Majung dan Empangan Kenyir.





## PENGENAAN LIQUIDATED & ASCERTAINED DAMAGES (LAD) KEPADA PERUNDING BAGI PROJEK/KAJIAN KERAJAAN

Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.2 iaitu Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 (Pindaan Kedua) Keluaran Kementerian Kewangan Malaysia, pengenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD) kepada perunding bagi projek/kajian kerajaan yang lewat telah dinyatakan dengan jelas pada Fasal 18.5.

18.5.1 Agensi hendaklah memastikan pengenaan LAD ke atas perunding dilaksanakan sekiranya berlaku perkara-perkara berikut:

18.5.1.1 Perunding gagal menepati tarikh penyerahan akhir setiap deliverables yang telah dipersetujui di dalam perjanjian perunding; dan

18.5.1.2 Kelewatan/ kegagalan perunding menepati tarikh serahan akhir yang ditetapkan terbukti adalah disebabkan oleh pihak perunding sahaja dan tidak turut melibatkan kelewatan di pihak Agensi.

18.5.2 Pengenaan LAD ke atas perunding adalah bagi kelewatan penyerahan *deliverables* pada peringkat perkhidmatan seperti berikut:

18.5.2.1 Projek pembangunan fizikal – setiap peringkat sehingga sebelum peringkat pembinaan bermula; dan

18.5.2.2 Kajian - setiap peringkat sehingga penutupan akaun

18.5.3 Bagi memastikan pengenaan LAD dapat dikuat kuasakan melalui perjanjian perunding, Agensi hendaklah menyenaraikan semua aktiviti secara terperinci mengikut *deliverables* di setiap peringkat perkhidmatan yang akan dilaksanakan oleh perunding. Agensi tidak dibenarkan untuk sekadar meletakkan jangka tempoh sahaja di setiap *deliverables* yang ditetapkan sebaliknya hendaklah menyatakan dengan jelas tarikh serahan akhir setiap *deliverables* tersebut.

18.5.4 Berdasarkan jadual *deliverables* yang ditetapkan di dalam perjanjian, GR hendaklah mengeluarkan arahan rasmi kepada perunding sekurang-kurangnya seminggu lebih awal daripada tarikh serahan akhir setiap *deliverables* untuk mendapatkan maklumat terkini kemajuan kerja perunding (*work progress*). Ini adalah bertujuan untuk membolehkan GR membuat pertimbangan sekiranya LAD perlu dikenakan atau EOT wajar diberikan berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh perunding.

18.5.5 Pengenaan LAD kepada firma adalah dibuat melalui pemotongan bayaran kemajuan perkhidmatan perunding berdasarkan formula yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

$$\text{LAD} = \frac{\text{Base Lending Rate} \times \text{Consulting Fees}}{100 \times 365}$$

(subject to a minimum of RM100 per day)

18.5.6 Agensi tidak boleh menimbang apa-apa formula lain atau cara pengiraan lain di dalam penentuan LAD kepada firma. Formula di perenggan 18.5.5 di atas hendaklah dipatuhi sama ada oleh Agensi mahupun firma.